



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI & KANAK-KANAK

0 HINGGA 6 TAHUN



**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
2019**

©Hak Cipta @ 2019
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Hak Cipta Kementerian Pendidikan Malaysia 2019. Semua artikel, ilustrasi dan kandungan buku daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Disediakan oleh:
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

Muka taip teks: Arial
Saiz taip teks: 12pt.
Ilustrasi grafik diperolehi daripada <https://sports-961.com/stages-of-growth-and-development-for-children/>

Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E2, Presint 1
Komplek Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia
Tel : +603-88849190
Fax : +603-88886670

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN.....	iv
PRAKATA	v
PANDUAN PENTADBIRAN	1
1. PENGENALAN	2
Motor	3
Penglihatan.....	3
Pendengaran	3
Pertuturan dan Bahasa.....	3
Personal Sosial.....	4
Kognitif.....	4
2. MATLAMAT	5
3. OBJEKTIF PENGESANAN AWAL.....	5
4. KUMPULAN SASARAN.....	5
5. PENTADBIR SENARAI SEMAK.....	5
6. LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN SSP	6
7. CARTA ALIRAN PELAKSANAAN SSP	7
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 1 BULAN.....	9
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 BULAN.....	10
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 BULAN.....	11
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 9 BULAN.....	12
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 12 BULAN....	13
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 18 BULAN....	14
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 2 TAHUN	15
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 TAHUN	17
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 4 TAHUN	18
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 5 TAHUN	19
SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 TAHUN	21
RUJUKAN	22

**KATA ALU-ALUAN
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



Bismillahirrahmanirrahim.

Saya berasa bangga dan bersyukur atas kejayaan penerbitan Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-kanak 0 hingga 6 tahun ini. Senarai semak pengesanan ini mampu memberi gambaran awal tentang perkembangan kanak-kanak dan membantu penilai mengenal pasti ciri-ciri ketidakupayaan kanak-kanak.

Senarai semak ini kelak dapat dimanfaatkan oleh individu yang terlibat secara langsung dengan pendidikan awal kanak-kanak, khususnya guru, ibu bapa dan penjaga. Maklumat yang diperoleh daripada hasil penilaian boleh digunakan untuk merancang aktiviti bagi meningkatkan potensi dan keupayaan bayi atau kanak-kanak tersebut.

Sesungguhnya, pengesanan awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas adalah amat penting supaya intervensi dan perkhidmatan sokongan yang sesuai dapat diberikan seawal mungkin. Justeru, diharapkan kanak-kanak berkenaan dapat ditempatkan di program yang bersesuaian, khususnya Program Pendidikan Inklusif, selaras dengan pelaksanaan pendidikan inklusif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

“SELAMAT MAJU JAYA”

Datuk Dr. Amin bin Senin
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PRAKATA
PENGARAH
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS**



Bismillahirrahmanirrahim.

Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas penghasilan Senarai Semak Pengesanan (SSP) Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak berumur 0 hingga 6 Tahun ini.

Senarai Semak Pengesanan digubal atas usaha memberi perkhidmatan sokongan awal kepada komuniti yang terlibat secara langsung dengan pendidikan awal kanak-kanak. Senarai Semak Pengesanan ini akan digunakan oleh guru, ibu bapa serta penjaga untuk membuat pengesanan terhadap perkembangan bayi dan kanak-kanak secara keseluruhan.

Penghasilan SSP merupakan usaha penting dalam mengurangkan impak ketidakupayaan yang berpanjangan bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Tindakan awal membolehkan ketidakupayaan kanak-kanak dikesan untuk pelaksanaan intervensi dan latihan khususnya dari segi kesediaan kanak-kanak ke pendidikan formal.

Pelaksanaan SSP dilihat sebagai mampu untuk meningkatkan enrolmen murid dalam Program Pendidikan Inklusif bagi merealisasikan inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

“KECEMERLANGAN INSAN ISTIMEWA KEGEMILANGAN BERSAMA”

Datuk Dr. Yasmin binti Hussain

Pengarah

Bahagian Pendidikan Khas



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**PANDUAN PENTADBIRAN
SENARAI SEMAK PENGESANAN (SSP)
PERKEMBANGAN BAYI & KANAK- KANAK
BERUMUR 0 HINGGA 6 TAHUN**

BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS

© Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2019

1. PENGENALAN

Selaras dengan inisiatif Gelombang 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, BPKhas telah menghasilkan Senarai Semak Pengesanan (SSP) Perkembangan Bayi atau Kanak-Kanak (0–6 tahun) bagi mengenal pasti dengan tepat tahap perkembangan murid.

SSP yang dihasilkan adalah berpandukan kepada pencapaian perkembangan (*developmental milestone*) normal kanak-kanak mengikut tahap umur. Perkembangan adalah perubahan yang berlaku secara berterusan dari lahir hinggalah ke akhir hayat. Perkembangan juga dipengaruhi oleh baka dan persekitaran seseorang individu. SSP merangkumi enam bidang kemahiran utama berdasarkan perkembangan kanak-kanak termasuk kemahiran motor, melihat, mendengar, pertuturan dan bahasa, sosial dan kognitif.

SSP merupakan satu instrumen penilaian yang boleh dilaksanakan oleh guru, ibu bapa/ penjaga kanak-kanak sama ada secara pemerhatian formal atau tidak formal. Ia mengandungi 2 set penilaian iaitu SSP untuk bayi yang berumur 0 hingga 18 bulan dan SSP untuk kanak-kanak yang berumur 2 hingga 6 tahun. Penilaian ini boleh memberi gambaran awal tentang perkembangan kanak-kanak dan membantu penilai mengenal pasti ciri-ciri ketidakupayaan kanak-kanak (jika ada). Maklumat yang diperoleh daripada hasil penilaian ini dapat digunakan untuk merancang aktiviti yang boleh meningkatkan keupayaan bayi atau kanak-kanak tersebut.

Jika kanak-kanak tidak mencapai perkembangan sepatutnya pada tahap umur tertentu, ini merupakan suatu indikator berlakunya kelewatan dalam perkembangan kanak-kanak tersebut. Oleh yang demikian, kanak-kanak ini dapat dirujuk kepada pakar perubatan melalui perbincangan dan persetujuan ibu bapa/ penjaga dengan kadar segera.

Sejajar dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008, Seksyen 36 (1b), SSP dibina bagi memastikan pengesanan awal ketidakupayaan dan intervensi yang tepat dapat dijalankan bagi mengelakkan ketidakupayaan yang lebih ketara. Pengesanan awal perkembangan bayi atau kanak-kanak adalah satu penilaian yang dilakukan kepada kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun. Ia merupakan satu proses yang penting dalam

usaha mengurangi atau mengelakkan ketidakupayaan yang berpanjangan pada peringkat awal perkembangan.

Terdapat enam aspek perkembangan utama yang menjadi fokus SSP iaitu kemahiran motor, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan bahasa, personal sosial dan kognitif.

Motor

Kemahiran motor terbahagi kepada motor kasar dan motor halus.

i. Motor Kasar

Kemahiran motor kasar merangkumi perkembangan postur statik, keseimbangan badan dan beberapa jenis pergerakan seperti merangkak dan berjalan.

ii. Motor Halus

Kemahiran motor halus pula adalah koordinasi antara pergerakan otot-otot kecil dengan mata. Kemahiran motor halus melibatkan pergerakan tangan dan jari-jemari seperti mengutip objek dan menggunakan sudu.

Penglihatan

Perkembangan kemahiran melihat merangkumi penetapan visual iaitu keupayaan melihat objek yang statik dan bergerak di persekitaran kanak-kanak. Selain itu, kemahiran ini juga melibatkan pemahaman visual di mana kanak-kanak perlu memproses dan memahami perkara/ situasi/ objek yang dilihat.

Pendengaran

Perkembangan pendengaran adalah kebolehan kanak-kanak untuk mengenal pasti arah bunyi, membezakan jenis-jenis bunyi fonem dan memahami bahasa yang digunakan.

Pertuturan dan Bahasa

Kemahiran berkomunikasi adalah kebolehan kanak-kanak untuk menggunakan dan menggabung jalin strategi komunikasi verbal dan bukan verbal bagi mendapatkan perhatian, permintaan, menunjukkan emosi, bertanya, menjawab soalan dan memberi komen. Pertuturan dan Bahasa adalah satu proses kognitif yang berkembang melalui interaksi dengan orang di sekeliling dan dipengaruhi oleh faktor biologi, kognitif,

psikososial dan keadaan persekitaran. Antara aspek perkembangan bahasa, pertuturan dan komunikasi adalah fonologi, morfologi, semantik, pragmatik, kemahiran reseptif dan ekspresif.

Personal Sosial

Kemahiran bersosial merujuk kepada perkembangan kanak-kanak dari segi memahami perlakuan, niat dan perasaan orang lain. Kemahiran ini membolehkan mereka membentuk dan mengekalkan perhubungan serta belajar tentang tingkah laku yang sesuai dengan masyarakat dan budaya setempat. Kemahiran ini juga merangkumi kawalan emosi iaitu keupayaan kanak-kanak untuk menzahirkan emosi secara sesuai dan efektif untuk mendapatkan keperluan dan membentuk serta mengekalkan hubungan sosial.

Kognitif

Kemahiran kognitif adalah keupayaan kanak-kanak untuk mengguna dan mengintegrasikan proses mental seperti pengamatan, persepsi, memori dan pemahaman konsep bagi menyelesaikan masalah. Kemahiran ini merangkumi kebolehan untuk memberi perhatian, keupayaan untuk mengatur diri (*self-organising*) dan mengawal diri (*self-regulation*).

Tujuan pengesanan awal dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap perkembangan terkini bayi/ kanak-kanak, aspek lewat perkembangan, keperluan perkhidmatan sokongan dan intervensi awal serta merancang pelan pendidikan individu yang relevan dengan tahap perkembangan bayi/ kanak-kanak. Intervensi yang berfokus kepada meningkatkan kelemahan dapat mengawal masalah kelewatan perkembangan, mengoptimumkan keupayaan dan kesediaan kanak-kanak. Di samping itu, pengesanan awal secara tidak langsung membantu mereka bergaul, bermain dan belajar bersama-sama rakan sebaya.

2. MATLAMAT

SSP Perkembangan Bayi/ Kanak-Kanak Berumur 0 hingga 6 tahun ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada individu yang terlibat secara langsung dalam pendidikan awal kanak-kanak, ibu bapa/penjaga dan guru tentang keperluan pengesanan awal dan pengesanan perkembangan bayi atau kanak-kanak.

Panduan ini diharap dapat membantu semua pihak yang berkaitan memahami konsep pengesanan perkembangan dan seterusnya melakukan pengesanan seawal mungkin terhadap kanak-kanak dalam lingkungan umur perkembangan yang kritikal iaitu 0 hingga 6 tahun. Pengesanan awal dan diikuti intervensi yang tepat pada masanya dapat mencegah ketidakupayaan dan memenuhi keperluan habilitasi dan rehabilitasi.

3. OBJEKTIF PENGESANAN AWAL

Pengesanan awal dilakukan bertujuan untuk:

- i. Mengesan tahap perkembangan dan pencapaian bayi/ kanak-kanak mengikut peringkat umur.
- ii. Mengenal pasti bayi/ kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas yang perlu dirujuk kepada pengamal perubatan.
- iii. Merancang intervensi dan menyediakan perkhidmatan sokongan yang sesuai.
- iv. Merancang pendidikan yang relevan mengikut keperluan kanak-kanak.

4. KUMPULAN SASARAN

- i. Kanak-kanak yang belum bersekolah yang berumur 0 hingga 3 tahun.
- ii. Kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 hingga 6 tahun.

5. PENTADBIR SENARAI SEMAK

SSP adalah sebuah instrumen penilaian berdasarkan pemerhatian dan boleh dilaksanakan oleh:


- i. Guru-guru prasekolah di sekolah kerajaan dan swasta.
- ii. Ibu, bapa atau penjaga.

6. LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN SSP

- i. Kenal pasti bayi/ kanak-kanak yang berkemungkinan mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas.
- ii. Baca dan fahami Panduan Pentadbiran SSP Bayi/Kanak-Kanak 0 hingga 6 tahun.
- iii. Pilih instrumen SSP mengikut umur yang sesuai dengan bayi/kanak-kanak.
- iv. Isi instrumen SSP dengan lengkap dan tanda yang betul mengikut arahan yang diberikan.
- v. SSP boleh ditadbir secara:
 1. Pemerhatian tidak formal dengan melihat perlakuan bayi/ kanak-kanak semasa melakukan aktiviti seharian.
 2. Penilaian formal dengan memberi arahan untuk melakukan sesuatu kemahiran yang jarang ditunjukkan dalam aktiviti harian.
- vi. Borang SSP perlu disiapkan dalam tempoh masa satu hari sahaja.
- vii. Setelah selesai, pentadbir dicadangkan untuk mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

Bilangan tanda	Tindakan
i. DUA atau lebih tanda (X) dalam lajur yang sama pada tarikh penilaian.	Rujuk segera kepada pengamal perubatan di klinik kesihatan/ hospital kerajaan/ hospital swasta/ pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) yang berdekatan.
ii. SATU tanda (X) pada item kemahiran yang mempunyai tanda ‘ * ’ pada tarikh penilaian.	
iii. SATU (X) atau lebih semasa penilaian semula	
iv. SATU (X) bagi item yang TIDAK bertanda ‘ * ’.	Penilaian semula: <ul style="list-style-type: none">• dalam jangka masa 2 bulan bagi yang berumur 18 bulan ke bawah dan;• dalam jangka masa 3 bulan bagi yang berumur 2 tahun ke atas.

7. CARTA ALIRAN PELAKSANAAN SSP



1. Guru, ibu bapa atau penjaga mentadbir SSP kepada bayi/ kanak-kanak yang berkemungkinan mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas mengikut tahap umur mereka.

2a. Sekiranya bayi/ kanak-kanak mendapat hanya satu tanda (X), penilaian semula perlu dibuat selepas 2 bulan bagi umur 0-18 bulan dan 3 bulan bagi umur 2 tahun ke atas, dari tarikh penilaian pertama.

2b. Sekiranya bayi/kanak-kanak mendapat dua atau lebih tanda (X) atau satu tanda (X) pada item yang bertanda ' * ', guru, ibu bapa atau penjaga perlu merujuk kepada pengamal perubatan atau pegawai 3PK.

*Bagi kes yang diuji oleh guru di mana murid mendapat skor seperti di 2(b) dan tidak melepasi penilaian 2(a), borang SSP perlu dihantar ke Bahagian Pendidikan Khas untuk tindakan selanjutnya di alamat berikut:

Unit Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas, Bahagian Pendidikan Khas, Aras 2, Blok E2, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604, Wilayah Persekutuan Putrajaya.



INSTRUMEN SENARAI SEMAK PENGESANAN (SSP) PERKEMBANGAN BAYI & KANAK- KANAK 0 HINGGA 6 TAHUN

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 1 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 1 bulan hingga 2 bulan)

Nama kanak-kanak	: _____	Nama ibu bapa/penjaga	: _____
Tarikh lahir	: _____	Alamat	: _____
No K/P/ Surat beranak	: _____	Nombor telefon	: _____
Tempat penilaian	: _____	Tarikh penilaian	: _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
 (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
 (-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Bayi bertindak balas apabila pipi atau tepi mulutnya disentuh atau diusap (<i>Rooting</i>)		
2	Mengenggam tangan sendiri (<i>Grasp</i>)		
3	Bayi terkejut di luar kawalan (<i>Moro reflect</i>)		
4	Menghisap (<i>sucking</i>)		
Motor Halus			
5	Mengenggam jari ibu bapa/ penjaga		
Penglihatan			
6	Mata berkerdip-kerdip melihat cahaya		
Pendengaran			
7	Terkejut pada bunyi kuat		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Mengeluarkan bunyi (<i>cooing</i>)		
Kelakuan (Personal Sosial)			
9	Menangis		
10	Senyum		
Kognitif			
11	Memandang mata ibu bapa/ penjaga pada jarak dekat		
12	Mengerlipkan mata apabila tangan ditepuk di hadapan mata		

Tanda tangan pentadbir : _____
 Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 3 bulan hingga 5 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
(-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Menggerakkan kaki dan tangan		
2	*Mengawal kepala		
3	Memaut jari-jemari ibu bapa/ penjaga apabila ditarik untuk duduk		
Motor Halus			
4	Memegang dan menghayun mainan apabila diletak pada tangan dalam tempoh singkat		
Penglihatan			
5	Mata mengikut benda bergerak		
6	Fokus kepada objek dekat		
Pendengaran			
7	*Menunjukkan respon dan memalingkan kepala mengikut arah sumber bunyi		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Mengeluarkan bunyi lembut berulang kali (<i>cooing</i>)		
9	Menangis apabila tidak selesa atau lapar dan sebagainya		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Membalas senyuman dan memandang mata		
Kognitif			
11	Membelek jari sendiri		
12	Memberi tindak balas apabila ibu bapa/ penjaga menggeletek dan bermain bersamanya		

Tanda tangan pentadbir : _____
Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 8 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
 Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
 No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
 Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
 (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
 (-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Meniarap dan menelentang		
2	Duduk dengan bantuan		
Motor Halus			
3	Boleh menggenggam objek		
Penglihatan			
4	Fokus kepada objek statik (permainan bayi seperti 'rattle')		
5	Memerhati dan mengikut pergerakan objek		
6	Boleh mencapai objek		
Pendengaran			
7	*Menoleh kepada bunyi		
8	Menunjukkan reaksi kepada sumber bunyi daripada persekitaran		
9	Memberi respon kepada suara ibu bapa/ penjaga/ alat permainan pada aras mata		
Pertuturan dan Bahasa			
10	Menyebut berulang kali pa..pa..pa/ ma..ma..ma		
11	Menghasilkan bunyi ketawa dan bunyi tidak bermakna		
Kelakuan (Personal Sosial)			
12	Mengangkat tangan minta di dukung		
Kognitif			
13	Bermain ci-ku-cak (<i>peek-a-boo</i>)		
14	Bermain dengan ibu jari kaki		

Tanda tangan pentadbir : _____
 Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 9 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 9 bulan hingga 11 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
(-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Duduk sendiri tanpa bantuan		
2	Mula cuba untuk merangkak		
Motor Halus			
3	Memindahkan objek dari satu tangan ke tangan yang lain		
4	Cuba untuk menyentuh objek kecil dengan menggunakan jari telunjuk		
Penglihatan			
5	Fokus kepada objek		
6	Memerhati dan mengikut pergerakan objek jatuh		
7	Boleh mencapai objek yang jatuh		
Pendengaran			
8	Mencari sumber bunyi persekitaran		
Pertuturan dan Bahasa			
9	Meniru/ membuat bunyi pertuturan (contoh: pa, ba, di, du)		
10	Memahami arahan mudah seperti 'tak boleh' dan 'bye'		
Kelakuan (Personal Sosial)			
11	Pandang apabila orang berinteraksi dengannya		
12	Boleh membezakan muka antara ibu bapa/ penjaga dengan orang lain		
Kognitif			
13	Menjatuhkan objek secara sengaja dan berulang-ulang		
14	Memasukkan objek ke dalam mulut		

Tanda tangan pentadbir : _____
Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 12 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 12 bulan hingga 17 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
(-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Berdiri dengan bantuan		
2	Berjalan dengan bantuan sebelah tangan		
Motor Halus			
3	Mengetuk dua objek antara satu sama lain		
4	Menunjuk dengan jari telunjuk pada objek yang diminati		
Penglihatan			
5	Boleh mengutip objek kecil di sekitarnya		
6	Meletakkan objek yang dipegang untuk mengambil objek yang lain		
Pendengaran			
7	Menoleh apabila nama dipanggil		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Boleh mengikut arahan mudah (contoh: angkat tangan)		
9	Mula menggunakan sekurang-kurangnya satu perkataan bermakna (contoh: mama merujuk kepada ibu)		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Melambai dan menepuk tangan		
11	Memberi respon apabila melihat diri melalui cermin (contoh: senyum, ketawa)		
12	Boleh menggeleng kepala tanda tidak mahu		
Kognitif			
13	Mencari benda tersembunyi di pelbagai lokasi		
14	Boleh menggunakan objek mengikut fungsi (contoh: cawan, telefon)		

Tanda tangan pentadbir : _____
Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 18 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 18 bulan hingga 23 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan : Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
(-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Berjalan sendiri		
2	Memanjat tangga, meja, kerusi dan lain-lain		
Motor Halus			
3	Menconteng menggunakan krayon/ pensel/ pen		
4	Boleh membuka helaian muka surat buku satu persatu		
5	Membina menara menggunakan blok/kiub mainan		
Penglihatan			
6	Memerhati dan mengikut pergerakan objek yang pantas		
7	Boleh membezakan jarak objek jauh dan dekat		
8	Boleh memadankan objek yang serupa		
Pendengaran			
9	Menunjuk kepada objek atau gambar yang disebut		
Pertuturan dan Bahasa			
10	Menggunakan sekurang-kurangnya 5 perkataan bermakna dalam rutin harian		
11	Cuba menggabungkan 2 perkataan bermakna seperti "nak susu"		
Kelakuan (Personal Sosial)			
12	Boleh memeluk dan memberi ciuman kepada orang yang dikenali		
Kognitif			
13	Tidak lagi memasukkan objek ke dalam mulut		
14	Membezakan kuantiti banyak/sedikit (contoh: "nak lagi...")		

Tanda tangan pentadbir : _____
Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 2 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 24 bulan hingga 35 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
 Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
 No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
 Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
 (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
 (-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Berlari		
2	Menolak dan menarik mainan beroda		
Motor Halus			
3	Membina menara 6 kiub		
4	Menunjuk kepada gambar		
Penglihatan			
5	Mengutip objek kecil/ besar (contoh: guli)		
Pendengaran			
6	Boleh mengikut arahan mudah (contoh: "Ambil bola di atas meja")		
7	Menjawab soalan mudah (contoh: Ya/Tidak)		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Menggunakan ayat ringkas (2-3 perkataan dalam 1 frasa/ayat)		
9	Suka bertanya soalan berulang kali		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Duduk dan memerhati orang bermain		
11	Membantu mengemas barang apabila diminta		
Kognitif			
12	Boleh memadan objek/ gambar		
13	Memahami arahan mudah seperti, "Ambil botol letak dalam sink"		
14	Meniru perbuatan orang dewasa di rumah		


Tanda tangan pentadbir : _____
 Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 36 bulan hingga 47 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
(-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Melompat dengan 2 kaki		
2	Naik dan turun tangga berselang kaki dengan bantuan		
Motor Halus			
3	Membina menara 10 kiub		
4	Boleh menyuap makanan ke mulut		
Penglihatan			
5	Boleh memasukkan tali ke dalam lubang manik besar		
Pendengaran			
6	Boleh mengikut beberapa arahan serentak (contoh: "Ambil bola biru di atas meja dan masukkan ke dalam kotak")		
7	Menjawab soalan mudah (contoh: "Siapa nama adik?")		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Menyebut perkataan dengan jelas		
9	Bercakap dengan lancar (tidak gagap)		
10	Menggunakan ayat yang mempunyai sekurang-kurangnya 4 perkataan		
11	Boleh bertanya soalan (contoh: "Abah nak pergi mana?")		
Kelakuan (Personal Sosial)			
12	Mula bergaul dengan orang lain		
13	Boleh membuang air kecil/ besar di tandas dengan bantuan		
14	Boleh menanggalkan pakaian		
Kognitif			
15	Memadan warna		
16	Boleh memadankan bentuk asas   		

Tanda tangan pentadbir : _____
Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 4 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 48 bulan hingga 59 bulan)

Nama kanak-kanak : _____ Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____ Alamat : _____
No K/P/ Surat beranak : _____ Nombor telefon : _____
Tempat penilaian : _____ Tarikh penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
(-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Lompat dengan sebelah kaki setempat		
2	Berjalan atas garisan lurus		
3	Bergayut pada pokok/ palang		
4	Naik dan turun tangga berselang kaki tanpa bantuan		
Motor Halus			
5	Meniru tanda 'X'		
6	Boleh memasukkan tali ke dalam lubang manik		
7	Boleh menggunting kertas		
Penglihatan			
8	Boleh menamakan objek di dalam gambar		
Pendengaran			
9	Menjawab soalan (contoh: "Kenapa dia menangis?")		
Pertuturan dan Bahasa			
10	Boleh bercerita mengikut turutan		
11	Boleh memulakan perbualan		
12	Boleh bertanya soalan (contoh: "Awak beli mainan ini di mana?")		
Kelakuan (Personal Sosial)			
13	Boleh berkongsi mainan		
14	Berlakon/main peranan (polis, doktor dan lain-lain)		
15	Boleh memakai baju dengan bantuan minimum		
Kognitif			
16	Boleh merungkai objek menggunakan blok dan lego		
17	Boleh membina semula objek menggunakan blok dan lego		
18	Boleh memakai kasut dengan betul (kanan dan kiri)		

Tanda tangan pentadbir : _____
Nama pentadbir : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 5 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 60 bulan hingga 71 bulan)

Nama kanak-kanak	Nama ibu bapa/penjaga
Tarikh lahir	Alamat
No K/P/ Surat beranak	Nombor telefon
Tempat penilaian	Tarikh penilaian

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
 (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
 (-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Boleh berdiri dengan 1 kaki		
2	Boleh berjalan secara mengundur		
3	Boleh melompat dengan 2 kaki		
4	Membaling dan menangkap bola		
Motor Halus			
5	Boleh membutang baju sendiri		
6	Boleh melukis orang dengan 3 bahagian badan		
Penglihatan			
7	Boleh membaca huruf besar berukuran 30mm x 20mm atau huruf kecil berukuran 20mm x 13.33mm pada jarak 6m/19.7 kaki		
Pendengaran			
8	Boleh menunjuk arah atas/ bawah/ dalam/ luar apabila diminta		
9	Boleh mengulang ayat yang didengari (sekurang-kurangnya 5 patah perkataan)		
Pertuturan dan Bahasa			
10	Boleh bertutur menggunakan ayat yang penuh dan bermakna		
11	Boleh bercerita		
Kelakuan (Personal Sosial)			
12	Menunjukkan keinginan menolong kerja rumah (menyapu, mengemas)		
13	Boleh bergurau atau berjenaka		
14	Mempamerkan sikap mengambil berat terhadap orang lain		
Kognitif			
15	Meniru rajah segi empat		
16	Mengenal huruf besar dan kecil		
17	Memahami konsep seperti masa, saiz dan ruang		
18	Boleh bercerita tentang masa lepas, kini dan akan datang		

Tanda tangan pentadbir

: _____

Nama pentadbir

: _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 72 bulan hingga 83 bulan)

Nama kanak-kanak	Nama ibu bapa/penjaga
Tarikh lahir	Alamat
No K/P/ Surat beranak	Nombor telefon
Tempat penilaian	Tarikh penilaian

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai atau
 (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai atau
 (-) sekiranya tidak pasti

BIL	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Melompat dengan sebelah kaki ke hadapan (menjengket)		
2	Berlari laju dengan stabil		
3	Menyambut bola dengan dua belah tangan		
Motor Halus			
4	Boleh melipat kertas		
5	Membuat ikatan menggunakan tali		
6	Menyalin bentuk palang (+)		
7	Boleh memakai stokin dan kasut tanpa bantuan		
Penglihatan			
8	Boleh membaca huruf besar berukuran 30mm x 20mm atau huruf kecil berukuran 20mm x 13.33mm pada jarak 6m/19.7 kaki		
Pendengaran			
9	Boleh menceritakan semula cerita yang didengar/ dibacakan		
Pertuturan dan Bahasa			
10	Bercakap dengan lancar		
11	Menguasai banyak perkataan bermakna		
12	Menggunakan bahasa untuk meluahkan perasaan		
Kelakuan (Personal Sosial)			
13	Boleh berkawan dengan rakan sebaya		
14	Mengikut giliran dan peraturan bermain		
15	Boleh mengawal emosi		
Kognitif			
16	Meniru lakaran bentuk abjad		
17	Menulis huruf besar dan kecil		
18	Mengecam beberapa perkataan yang biasa dilihat		
19	Bercerita mengenai apa yang dilukis		
20	Menulis nama sendiri		

Tanda tangan pentadbir : _____
 Nama pentadbir : _____

RUJUKAN

- Annamalay, S.D. (2000). *Maximise your child's emotional intelligence: A 12- day step-by-step guide*. Singapore: Times Book International.
- Bellman, M., Lingnam, S., & Aukett, A. (1996). *Schedule of growing skills (2nd Ed.)*. London, UK: GL Assessment Limited.
- Brigance, A.H. (2004). *Brigance diagnostic inventory of early development (2nd Ed.)*. North Billerica, MA: Curriculum Associates Inc.
- Brown, L., Sherbenou, R.J., & Johnsen, S.K. (2010). *Test of nonverbal intelligence (4th Ed.)*. Austin, TX: Pro- Ed.
- Douglas, J. (2002). *Toddler troubles coping with your under- 5s*. England: Wiley & Sons Ltd.
- Fewell, R.R., & Folio, M.R. (2000). *Peabody developmental motor scales (2nd Ed.)*. Austin, TX: Pro- Ed.
- Finne, N.R. (1997). *Handling the young child with cerebral palsy at home (3rd Ed.)*. Oxford: Butterworth- Heinemann.
- Henderson, S.E., & Sugden, D.A. (2007). *Movement assessment battery for children (2nd Ed.)*. London: Psychological Corporation.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Kurikulum PERMATA Negara: Asuhan dan didikan awal kanak- kanak 0-4 tahun*. Malaysia: Author.
- Johnson-Martin, N.M., Jens, K.G., Attermeir, S.M., & Hacker, B.J. (1991). *The Carolina curriculum for infants and toddlers with special needs (2nd Ed.)*. Baltimore, MD: Paul H. Brookes Publishing Co.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2010). *Buku rekod kesihatan bayi dan kanak- kanak (0-6 tahun)*. Malaysia: Author.
- Mitchell, M.J. (1978). *A step-by-step guide to good parenting and brighter babies*. Oxford: University of Australia and New Zealand.
- Sanders, M.R. Mazzucchelli, T.G., & Studman, L.J. (2003). *Stepping Stones Triple "P" family workbook*. Brisbane, QLD: Triple P International.

Sheridon, M.D. (1989). *From birth to five years: Children's developmental progress*. New York: Routledge.

St. Louis, K.O. & Ruscello, D.M. (2000). *Oral speech mechanism screening examination (3rd Ed.)*. Austin, TX: Pro- Ed.

Wan Ismail, W.A. (2000). *Perkembangan kanak- kanak tanda-tanda penting penilaian mudah dan stimulasi*.

Developmental milestone: Socialisation (<http://www.babycentre.co.uk/a1041636/developmental-milestones-socialisation>).

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan Senarai Semak Pengesanan (SPP) Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 0 hingga 6 Tahun.

Penggubal:

- | | |
|---------------------------------------|--|
| 1. Pn. Liyana Gan binti Abdullah | Timbalan Pengarah, BPKhas |
| 2. Cik Nurdiyana binti Abd Halim | Penolong Pengarah, BPKhas |
| 3. Pn. Mahfuzah binti Zainol | Penolong Pengarah, BPKhas |
| 4. Pn. Iffah Rashida binti Mazlan | Penolong Pengarah, BPKhas |
| 5. Cik Farhana binti Nor Azmi | Pen. Pengarah, (Psikologis) BPKhas |
| 6. En. Khairul Annuar bin Jamil | Pen. Pengarah (Audiologis), BPKhas |
| 7. Pn. Siti Aisyah binti Ismail | Pen. Pengarah (Psikologis Klinikal),
BPKhas |
| 8. Pn. Siti Jamilah binti Samsudin | Pen. Pengarah (Terapis Pertuturan
Bahasa), BPKhas |
| 9. Pn. Mazlifah binti Mohamad | Pen. Pengarah (Peripetatik), BPKhas |
| 10. Dr. Etain Vong | Pensyarah Kanan (Terapis Pertuturan
Bahasa), UKM |
| 11. Dr. Mastura binti Badziz | Pensyarah, UIAM |
| 12. Datin Dr. Rohani binti Abd Rahman | Pensyarah (Jurupulih Carakerja), USM |
| 13. Dr. Aminah Bee binti Mohd Kassim | Ketua Pen. Pengarah Kanan, Bahagian
Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM |
| 14. En. Jasni bin Abdullah | Jurupulih Carakerja, KKM |
| 15. Matron Cheoh Siew Tin | Ketua Penyelia Jururawat, KKM |

Turut Menyumbang:

- | | |
|------------------------------------|-----------------------|
| 1. Dr. Noraini binti Zainal Abidin | Ketua Sektor, BPKhas |
| 2. Pn. Nordina binti Nayan | Ketua Unit, BPKhas |
| 3. En. Hanizan bin Che Mat | Ketua Unit, BPKhas |
| 4. Pn. Rasyidah binti Mohd Rasul | Pen. Pengarah, BPKhas |

- | | | |
|-----|---------------------------------------|--|
| 5. | Pn. Norhayati binti Othman | Pen. Pengarah, BPKhas |
| 6. | En. Razali bin Wahab | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 7. | En. Zaidee bin Hamzah | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 8. | Pn. Zainun binti Tukiman | Pen. Pengarah (Audiologis), BPKhas |
| 9. | En. Mushni bin Hashim | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 10. | Pn. Norfarhada binti Mohd Yusof | Pen. Pengarah (Terapis Carakerja),
BPKhas |
| 11. | En. Rithauddin bin Abdull Rahim | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 12. | En. Muhammad Nazri bin Abd Ghani | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 13. | En. Zamri bin Ismail | Pen. Pengarah (Audiologis), BPKhas |
| 14. | En. Ng Swee Guan | Pen. Pengarah (Audiologis), BPKhas |
| 15. | Cik Tharishni a/p Anblagan | Pen. Pengarah, (Psikologis) BPKhas |
| 16. | En. Ahmad Raud bin Jupakkal | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 17. | En. Nik Noor Azman bin Mohd Yusoff | Pen. Pengarah (Peripatetik), BPKhas |
| 18. | Pn. Siti Wan Aminah binti Wan Norudin | Pen. Pengarah (Psikologis), BPKhas |

**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 2, BLOK E2, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E, PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62604, W.P. PUTRAJAYA
NO. TEL :03- 8884 9190
NO. FAX :03-8888 6670**